

05 JUN 1999

LEBIH 3,000 PERWAKILAN DAN PEMERHATI DIJANGKA HADIR MESYUARAT AGUNG PPP

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Seramai 3,200 perwakilan dan 600 pemerhati dijangka hadir pada mesyuarat agung tahunan ke-46 Parti Progresif Penduduk Malaysia (Baru) - PPP - yang dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Islam, Isnin ini.

Presiden PPP Datuk M.Kayveas berkata 21 resolusi akan dibentangkan pada mesyuarat itu yang antara lain meliputi sokongan penuh kepada kepimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri bagi memacu negara ke Alaf baru.

Resolusi lain ialah meminta perlaksanaan gaji bulanan kepada pekerja ladang dan pembangunan kemudahan penjagaan kesihatan dan alam sekitar, kata Kayveas dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kayveas berkata selain itu perwakilan juga akan membincangkan pindaan kepada perlembagaan parti itu bagi menurunkan peringkat umur ahli yang layak menganggotai parti tersebut daripada 18 ke 16 tahun serta membenarkan pembukaan cawangan wanita.

Menurutnya permintaan PPP bagi mendapat kerusi pada pilihan raya akan datang juga akan dibincangkan pada mesyuarat sehari itu.

Parti komponen BN itu kini mempunyai 250,000 anggota di seluruh negara kecuali di Terengganu, Kelantan dan Sarawak.

-- BERNAMA

MHI LAT